

KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI MELAKA BERHAD

ATURAN PERLANTIKAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

TAJUK

1. Aturan ini dinamakan “**ATURAN PERLANTIKAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**” Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad.
2. Aturan ini diwujudkan di bawah undang-undang kecil 50 Koperasi ini dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Koperasi pada 20 Jun 2009 dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

TAFSIRAN

3. Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-
 - (a) “Akta” ertinya Akta Koperasi 1993 ;
 - (b) “Aturan” ertinya aturan Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi dan sebarang pindaan yang dibuat kepadanya dari semasa ke semasa ;
 - (c) “Undang-undang Kecil” ertinya Undang-undang Kecil Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad ;

TUJUAN

4. Tujuan aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 50 dan berkuatkuasa selepas persetujuan mesyuarat agung perwakilan tahunan dan Suruhanjaya ialah untuk:-
 - (a) aturan ini ialah untuk melantik Jawatankuasa Audit Dalaman bagi menjalankan tugas-tugas pengauditan seperti yang diperuntukkan di dalam Undang-undang Kecil.

PELANTIKAN DAN BILANGAN JURUAUDIT DALAMAN

5. Lembaga hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Audit Dalaman tidak melebihi tiga (3) orang anggota dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas mesyuarat agung perwakilan tahunan.

KELAYAKAN

6. Jawatankuasa Audit Dalaman hendaklah memenuhi kelayakan berikut:-
 - (a) telah menjadi anggota sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan sebelum atau pada 31 Disember tahun sebelumnya;
 - (b) telah menghadiri modul wajib pendidikan dan latihan daripada IKMa sebagaimana kriteria layak dan sesuai yang ditentukan oleh Suruhanjaya dibawah subseksyen 43(2) Akta 502; dan
 - (c) mematuhi Undang-undang Kecil Koperasi 51.

SKOP DAN BIDANG TUGAS

7. Lembaga boleh meminta Jawatankuasa Audit Dalamannya untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan bagi mana-mana bahagian pengurusan koperasi yang difikirkan perlu.

TEMPOH PERKHIDMATAN

8. Tempoh perkhidmatan semua anggota Jawatankuasa Audit Dalamannya ini adalah satu (1) tahun dan perkhidmatan mereka boleh disambung semula setelah diputuskan oleh mesyuarat Lembaga.

(a) Kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalamannya hendaklah diisi oleh Lembaga dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh pengosongan jawatan dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

PENAMATAN PERKHIDMATAN

9. Lembaga boleh menamatkan tempoh perkhidmatan mana-mana ahli Jawatankuasa Audit Dalamannya sebelum tamat tempoh perkhidmatan seperti yang diperuntukkan dalam Undang-undang Kecil 20 dan 21.

PERTIKAIAN

10. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya menurut undang-undang kecil 81 (1) Koperasi ini.

Aturan ini telah dibentangkan dan diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi pada

(.....)
Pengerusi

(.....)
Setiausaha

(.....)
Bendahari